

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penambahbaikan sektor awam dan swasta dalam sektor kesihatan yang telah dirangka di dalam Dasar Sihat Bersama 2030.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Perancangan Dasar Sihat Bersama 2030 adalah satu cadangan yang pernah dibincang untuk dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan bukan merupakan satu dasar rasmi Kementerian Kesihatan kerana ianya belum lagi diangkat untuk pertimbangan Kerajaan semasa di bawah pentadbiran terdahulu.
2. Walau bagaimanapun, selepas diteliti perancangan-perancangan yang diutarakan di bawah dasar tersebut, didapati kebanyakannya adalah kesinambungan kepada cadangan-cadangan penambahbaikan yang pernah dirancang oleh pentadbiran-pentadbiran sebelum ini seperti cadangan Dasar Kesihatan Negara, *1Care for 1Malaysia* dan *Malaysia Health System Review* (dengan izin).

3. Untuk terus memajukan dan melestarikan kelangsungan perkhidmatan kesihatan negara, Kementerian Kesihatan akan sentiasa dan terus berusaha untuk mengangkat cadangan-cadangan yang bernas untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan. Cadangan-cadangan tersebut akan terangkum di bawah Tawaran Baharu (*New Deals*) dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) yang sedang digubal.

4. Salah satu Tawaran Baharu yang memerlukan persetujuan Jemaah Menteri adalah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP Normalisasi). ANMS akan dilaksanakan mulai 2020 hingga 2030 secara berfasa yang akan melibatkan pelbagai Kementerian, Agensi, *Non-Governmental Organization* (NGO) serta swasta. ANMS ini mempunyai merangkumi tiga (3) Bidang Utama iaitu Kebersihan Diri, Kebersihan Persekitaran dan Cara Hidup Sihat dengan tumpuan kepada empat (4) Teras.

Teras 1: Memantapkan Promosi Amalan Cara Hidup Sihat

Teras 2: Memantapkan Perkhidmatan Promosi Kesihatan (Wellness)

Teras 3: Memperkasa Kawalan Kendiri Kesihatan

Teras 4: Memantapkan Kebersihan Persekitaran

Sekian, terima kasih.